



EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

“Hari Pelarian Sedunia 2015: Dengan Semangat Keberanian, Marilah Kita Bergabung”

KUALA LUMPUR (20 JUN 2015) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa memperingati Hari Pelarian Sedunia 2015 bagi mengiktiraf pelarian akibat krisis hak asasi manusia di seluruh dunia pada hari ini.

Tema tahun ini ialah “dengan semangat keberanian marilah kita bergabung”. Suruhanjaya menjelaskan bahawa pelarian bukanlah migran ekonomi tetapi adalah orang yang berada di luar negara mereka sendiri kerana tidak dapat atau tidak mahu kembali kerana takut ditindas oleh sebab bangsa, agama, kewarganegaraan, keterlibatan dalam sesebuah kumpulan masyarakat atau perbezaan pandangan politik.

Walaupun Kerajaan pada awalnya menghantar pulang mangsa pelarian yang datang ke Negara ini, Kerajaan telah mengumumkan keputusannya untuk menyediakan perlindungan sementara selama satu tahun dengan syarat bahawa masyarakat antarabangsa akan membantu dalam proses penghantaran pulang bagi 7,000 pelarian yang melarikan diri dari penindasan. Ini menunjukkan usaha Kerajaan untuk menghormati dan melindungi hak kepada nyawa. Suruhanjaya mengalu-alukan tindakan berperikemanusiaan ini, sungguhpun demikian ia berpendapat bahawa langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini adalah bersifat sementara dan bukanlah penyelesaian terbaik.

Suruhanjaya amat bimbang dengan krisis pelarian yang berterusan ini, yang telah menyebabkan kehilangan nyawa dan sehingga Mei 2015 jumlah pelarian dan pemohon suaka berdaftar di Malaysia mencecah 153,004, justeru mengulangi pendiriannya bahawa Kerajaan harus menerima Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Berkaitan Status Pelarian 1951 (Konvensyen 1951) sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berwibawa dan kini mengaggotai Majlis Keselamatan PBB. Suruhanjaya yakin bahawa penerimaan terhadap Konvensyen ini merupakan tindakan yang bijak bagi menangani isu pelarian serta berpandangan bahawa sebagai sebuah Negara Ahli kepada Konvensyen tersebut, bantuan antarabangsa yang lebih baik akan diterima termasuklah proses penghantaran balik, berbanding jika Kerajaan masih tidak menyertai Konvensyen tersebut.

“Hak Asasi Untuk Semua”

Maklumat lanjut mengenai media sila hubungi Bahagian Hubungan Media Suruhanjaya:

03-2612 5646 (Puan Jesrina Kaur Grewal)

Untuk maklumat umum sila hubungi 03-2612 5600



SIARAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

Sesuai dengan situasi tersebut dengan memetik kata-kata Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian, António Guterres yang menyebut; “apabila pintu ditutup, orang akan membuka tingkap. Jika tingkap ditutup, orang akan menggali terowong. Jika terdapat keperluan asas untuk hidup dan perlindungan, orang akan berhijrah, apa sahaja halangan dalam penghijrahan tersebut, ia hanya akan membuatkan perjalanan tersebut lebih dramatik.”

Suruhanjaya juga bimbang dengan dakwaan bersubahat, rasuah dan penglibatan pegawai penguatkuasa undang-undang Malaysia dalam kes pemerdagangan dan penyeludupan migran dan pelarian. Suruhanjaya telah diminta untuk menjalankan satu siasatan berkenaan dengan isu ini selaras dengan kuasanya sebagai sebuah badan berkanun. Sementara meneliti perkara tersebut, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk segera mengambil langkah-langkah yang lebih kukuh untuk menangani krisis kemanusiaan ini dengan cara yang bermaruah dan berperikemanusiaan, walaupun baru-baru ini Parlimen telah menolak usul untuk membincangkan nasib masyarakat Rohingya dan Bangladesh ke perairan Malaysia.

Oleh kerana krisis kemanusiaan dan keselamatan ini mempunyai kesan ke atas sebilangan negara ASEAN termasuk Malaysia, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menyeru negara-negara ASEAN bagi menghadapi isu-isu berkaitan status kewarganegaraan pelarian ini dengan segera, dan memainkan peranan kepimpinannya selaku Pengerusi ASEAN bagi mendapatkan komitmen serantau dan antarabangsa dengan menghormati undang-undang antarabangsa melibatkan hak asasi manusia, pelarian, kemanusiaan, dan melibatkan perairan sesebuah Negara.

Suruhanjaya juga berpandangan bahawa walaupun Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951, ia masih terikat dengan undang-undang adat antarabangsa iaitu tidak mengusir atau menghantar kembali pelarian ke wilayah yang mana nyawa atau kebebasan mereka boleh diancam, melainkan jika terdapat alasan yang munasabah sekiranya kehadiran mereka ini mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan negara.

-TAMAT-

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Jun 2015

“Hak Asasi Untuk Semua”

Maklumat lanjut mengenai media sila hubungi Bahagian Hubungan Media Suruhanjaya:

03-2612 5646 (Puan Jesrina Kaur Grewal)

Untuk maklumat umum sila hubungi 03-2612 5600